

# Semak semula kaedah pengajaran

► Pastikan relevan dengan perkembangan semasa

UB 21.12.2017 A2

Oleh SURAIDAH ROSLAN

KOTA KINABALU: Kaedah pengajaran dalam bidang perniagaan dan ekonomi sedia ada di universiti awam perlu disemak semula supaya ia relevan dengan perkembangan semasa.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidik dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Shahril Yusof berkata cara mengajar pelajar jurusan perniagaan dan ekonomi dalam tempoh lima tahun dari sekarang pastinya sudah berbeza.

Katanya adalah tidak relevan jika tenaga pengajar masih menggunakan cara lama untuk mengajar pelajar yang berdepan kemajuan teknologi dunia yang semakin pantas.

"Oleh itu, diharap melalui

persidangan sebegini akan berjaya mengenalpasti pendekatan terbaik agar pelajar perniagaan dan ekonomi mampu bersaing dalam dunia perniagaan sebenar apabila menceburい bidang itu setelah tamat pengajian kelak.

"Jika dilihat, dunia perniagaan sudah beralih kepada perniagaan berdasarkan teknologi digital maka, pendekatan baharu perlu diambil oleh semua peniaga," katanya ketika berucap

mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin semasa merasmikan Persidangan Perniagaan Gunaan Ekonomi Asia (AAAB) kelapan, di sini pada Rabu.

Beliau berkata usaha perlu diambil untuk menasihatkan golongan peniaga supaya mula beralih kepada penggunaan teknologi digital jika ingin terus bertahan dalam bidang perniagaan.

"Kita perlu melihat adakah

**“ Dunia perniagaan sudah beralih kepada perniagaan berdasarkan teknologi digital maka, pendekatan baharu perlu diambil oleh semua peniaga. ”**

**PROF DR SHAHRIL YUSOF**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidik dan Inovasi) UMS

penyedia perkhidmatan penghantaran barang yang sedia ada mencukupi? Perlukah restoran yang besar jika orang mula beralih kepada penghantaran makanan secara online?

"Adakah kompleks beli-belah yang besar masih relevan sekiranya orang ramai lebih gemar membuat pembelian secara online?" katanya.

Shahril berkata peluang perniagaan secara online dalam menyediakan perkhidmatan penghantaran barang dan makanan terbuka luas. Maka, golongan peniaga perlu merebut peluang itu.

Dalam industri muzik masa kini juga katanya, tiada lagi kaset mahupun cakera padat dikeluarkan. Semuanya sudah beralih kepada sistem memuat turun secara online seperti



SEBAHAGIAN peserta semasa Persidangan Perniagaan Gunaan Ekonomi Asia (AAAB) kelapan pada Rabu.

iTunes. Industri muzik sudah berubah sepenuhnya.

Katanya melihat perubahan dunia perniagaan yang begitu pantas, peniaga perlu

mengambil langkah tepat untuk menceburі bidang perniagaan yang relevan dengan perkembangan semasa. Jika tidak, mereka

akan mengalami kerugian.

Sementara itu, sebanyak 52 kertas kerja akan dibentangkan dalam persidangan selama dua hari itu.